

UTUSAN MALAYSIA

SABTU 27 DESEMBER 2008



SISIPAN KHAS
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

GEN·U
GENERASI UNIVERSITI

MALAYSIA'S TOP BUSINESS SCHOOLS

&

INTERNATIONAL BUSINESS POSTGRADUATE
CONFERENCE 2008



MENTERI Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua Pengarah Jabatan Pegajian Tinggi KPT Prof Datuk IR. Dr. Radin Umar Radin Sohardi (empat dari kiri) bergambar kenangan bersama pegawai kanan Pusat Pengajian Dalam dan Luar Negara, pada majlis pelancaran Sekolah Pengajian Perniagaan Terbaik Malaysia di Putrajaya baru-baru ini.

GSM UPM, GSB UKM dipilih sekolah perniagaan terbaik

PELANCARAN Sekolah Pengurusan Siswazah (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Sekolah Perniagaan Siswazah (GSB) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Sekolah Perniagaan Terbaik di negara ini telah diumumkan baru-baru ini dan ia adalah sejarah keputusan kerajaan pada 24 Oktober 2007 untuk menganugerahkan status tersebut kepada kedua-dua sekolah itu.

Antara objektif keputusan ini adalah untuk memastikan sekolah-sekolah ini mencapai standard dunia dalam menawarkan kursus-kursus ijazah dalam bidang perniagaan dan pengurusan.

Namun pengurusan dan operasi sekolah-sekolah tersebut haruslah mematuhi keperluan-keperluan berikut:

1. Pengurusan dan pentadbiran sekolah akan ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), para Profesor dari universiti dan sekolah perniagaan yang terkemuka dan beberapa ahli yang dilantik.

2. Sebuah Lembaga Amanah akan bertanggungjawab untuk menguruskan

geran-geran untuk aktiviti dasar akademik seperti penyelidikan dan penerbitan.

3. Fakulti Sekolah Perniagaan akan dianggotai oleh para ahli akademik terkemuka dalam negara ini dan sekolah perniagaan dari seluruh dunia.

Pakej ganjaran akan ditawarkan melalui program yang diwujudkan khas untuk menarik ahli-ahli akademik ini.

4. Sebuah pelan struktur akan dibentuk bagi mengantarkongsikan sekolah-sekolah ini melalui persefakatan strategik dengan sekolah-sekolah perniagaan yang terkemuka di seluruh dunia.

5. Bagi mewujudkan suasana sekolah perniagaan bertaraf dunia, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana permulaan bagi kemudahan infrastruktur.

Adalah diharapkan sekolah perniagaan utama di negara ini akan menyediakan asas bagi kualiti tinggi pendidikan ijazah dalam bidang pengurusan dan perniagaan di dalam negara serta di peringkat dunia.

Hal ini akan meningkatkan usaha kita untuk menjadikan sektor pendidi-

kan graduan sebagai komoditi eksport yang berdaya saing pada masa hadapan.

Dalam pada itu pemilihan Sekolah Perniagaan Terbaik Malaysia adalah keputusan yang betul berdasarkan proses-proses penanda aras dan asasnya yang telah dilaksanakan.

KPT bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan institusi pengajian tinggi ini dan juga memberi sokongan penuh dan inspirasi kepada institusi ini dalam usaha mereka mencapai matlamat.

Selain itu Sekolah Perniagaan Utama Malaysia bertanggungjawab melahirkan graduan yang cemerlang dalam menyumbang dan mencapai wawasan negara melalui program graduan perniagaan yang berkualiti.

Pihak kementerian telah menyediakan lampiran skor bagi kriteria sekolah perniagaan berdasarkan kriteria Sekolah Perniagaan Utama Dunia dan Sekolah Perniagaan Utama Asia.

Ia berdasarkan lapan domain iaitu kualiti dan kuantiti kaktangan akademik, kualiti dan kuantiti penyelidikan dan pengajaran, kuantiti pelajar pascaijazah, kualiti pelajar pasca ijazah, inovasi, ganjaran dan perkhidmatan profes-

sional, rangkaian dan hubungan serta kemudahan sokongan.

Proses audit telah dijalankan dan kumpulan pengesahan telah mengesahkan lampiran skor di tempat tersebut.

Kumpulan pengesahan bukan sahaja melakukan penanda aras sebagai asas kepada penilaian tetapi yang lebih penting ialah penilaian itu akan menjadi penanda kemajuan berterusan.

KPT juga mengalu-alukan mana-mana Sekolah Perniagaan di Malaysia untuk menyertai penilaian sendiri bagi menyertai kumpulan Sekolah-sekolah Perniagaan Terbaik Malaysia pada masa hadapan.

Sempena pelancaran sekolah-sekolah tersebut, Kolokium Pasca Ijazah Perniagaan Antarabangsa Kelima telah diadakan sekaligus memberi peluang kepada pelajar pasca ijazah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bidang perakaunan, ekonomi, keusahawanan, kewangan, pentadbiran dan pemasaran serta peluang untuk berkongsi cadangan dan penemuan.

Program tersebut telah menarik minat penyertaan negara-negara ASEAN termasuk 300 pelajar pasca ijazah dan 50 pelajar berkenaan akan membentangkan kertas kerja akademik masing-masing.